

**PENTAFSIRAN DAN PERLAKSANAAN  
AGIHAN ZAKAT FISABILILLAH  
MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA DI MALAYSIA**

**KERTAS KERJA INI DIBENTANGKAN OLEH  
PROF. MADYA DATO' DR. HAILANI MUJI TAHIR**

**DI  
SEMINAR PENGAGIHAN ZAKAT DI BAWAH SINF FISABILILLAH  
ANJURAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
PADA 9 JUN 2009**

# PENTAFSIRAN DAN PERLAKSANAAN AGIHAN ZAKAT FISABILILLAH MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA DI MALAYSIA

Oleh :

(Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir)

## 1. PENDAHULUAN

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya *sadaqah* (zakat) itu hanya tertentu untuk orang fakir, miskin, para ‘amil yang mengurus zakat, orang mu’allaf yang dijinakkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan untuk orang-orang yang berhutang, orang yang berjuang pada jalan Allah, dan untuk orang musafir (yang kehabisan bekalan) dalam perjalanan. (Hukum yang sedemikian itu) sebagai kewajiban fardu yang ditetapkan Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana” (lihat juga Q.9:104;4:76 & 6:141).

Ayat di atas menjelaskan kedudukan asnaf zakat yang perlu diambil perhatian dalam pengagihan hasil kutipan zakat. Asnaf yang disebut dalam ayat di atas ialah golongan fakir dan miskin, ‘amil atau orang yang dilantik oleh pihak berkuasa untuk menjalankan kutipan dan agihan zakat, *al-muallafati qulubuhum* - orang yang hatinya dekat dengan Islam tetapi masih dalam keadaan Iman yang lemah, *al-riqab* – hamba yang diberi peluang untuk menebus diri tetapi tidak mampu, *al-gharimun* – orang yang terikat dengan hutang, *fisabilillah* – orang-orang yang berjuang di jalan Allah s.w.t dan *Ibn Sabil* iaitu orang yang terputus bekalan atau memulakan perjalanan dalam usaha mentaati Allah dan bukan untuk tujuan maksiat.

Kertas kerja ini hanya akan memfokuskan perbincangan kepada asnaf *fisabilillah*. Asnaf ini adalah di antara asnaf yang penting dalam konteks pembahagian zakat di zaman moden ini dan jika diluaskan pentafsirannya boleh digunakan untuk merancang pembangunan sosio ekonomi dan untuk menegakkan syiar Islam. Menyedari bahawa zakat merupakan asas penting dalam dasar fiskal dan kewangan negara Islam (Hailani 1988 : 5/14-36), kertas kerja ini juga akan melihat pemikiran *fuqaha'* dan *mufassirin* bagi meninjau sejauhmana pentafsiran yang dibuat oleh kedua-dua golongan ini dapat dimanfaatkan dalam aplikasi agihannya bagi mengangkat sistem zakat menjadi lebih berkesan mengikut keperluan semasa.

## 2. ASNAF FISABILILLAH : PENDAPAT FUQAHA' DAN MUFASSIRIN

Dalam mentafsirkan perkataan *fisabilillah* para ‘ulama terbahagi kepada dua kumpulan; pertama, kumpulan yang menghadkan maksud *fisabilillah* hanya kepada berperang pada jalan Allah s.w.t dan segala yang berkaitan dengannya (al-Qaradawi 2001 : 109-18). Kedua, kumpulan yang meluaskan maksud *fisabilillah* tidak bermaksud khusus kepada berperang pada jalan Allah semata-mata. Kumpulan kedua ini pula terbahagi kepada dua; pertama, yang meluaskan maksud *fisabilillah* dengan mentafsirkannya kepada segala perbuatan yang bertujuan mendekatkan diri kepada

Allah s.w.t dan segala perbuatan yang dilakukan sebagai ketaatan kepada Nya. Kedua, mereka yang mentafsirkan maksud *fisabilillah* mencakupi perkara yang berkait dengan kepentingan umum (*masalih al-'ammah*) semata-mata (al-ashqar 2004 : 2/767-81).

## **2.1 Kumpulan Pertama : Menghadkan pentafsiran kepada jihad pada jalan Allah s.w.t dan segala perkara yang berkaitan dengannya.**

Kumpulan ini terdiri daripada majoriti para 'ulama *a'immah al-madhahib*. Pertama; **Maddhab Hanafi**, Abu Yusuf umpamanya, menyatakan bahawa maksud kalimah *fisabilillah* ialah tentera-tentera yang berjuang secara sukarela yang terputus bekalan dalam peperangan (Ibn Nujaym 2002 : 2/383). Menurutnya lagi, maksud yang dapat difahami daripada lafaz mutlak tersebut ialah mereka yang tidak mampu lagi bersama-sama tentera Islam berperang di jalan Allah kerana mereka adalah golongan fakir dan mereka tidak mempunyai bekalan lagi untuk terus berjuang. Terputus bekalan boleh ditakrifkan sebagai apa saja keperluan peperangan seperti alat-alat peperangan, kenderaan untuk tunggangan dan sebagainya. Kumpulan ini (sukarelawan faqir) boleh diberikan zakat walaupun mereka mampu untuk berusaha. Ini dibuat berasaskan pertimbangan bahawa golongan ini wajar diberi zakat untuk mengelakkan mereka dari terus tercicir dari medan jihad (al-Barusawi 1985 : 3/454).

Sebahagian daripada 'ulama madhhab Hanafi berlainan pendapat dengan Imam Abu Yusuf, umpamanya Imam Muhammad Hasan al-Shaybani mendefinisikan *fisabilillah* dengan maksud jemaah haji yang terputus bekalannya (al-Kasani 1997 : 2/72). Ini berasaskan satu riwayat yang menyatakan bahawa seorang sahabat telah menjadikan unta yang dimilikinya sebagai harta yang ingin digunakan untuk *fisabilillah* lalu Rasulullah memerintahkan supaya unta tersebut digunakan untuk menunaikan haji. Ini adalah disebabkan dalam pelaksanaan ibadah haji, seseorang perlu berjihad memerangi hawa nafsu yang menjadi faktor utama yang menyebabkan kegagalan dalam menyempurnakan haji (al-Qasimi t.th.: 60).

Satu riwayat daripada *al-Fatawa al-Zahiriyyah* menyatakan bahawa tafsiran bagi kalimah *fisabilillah* ialah penuntut ilmu (al-Alusi t.th.: 7/179), tetapi pentafsiran ini menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi mendapat tentangan daripada sebahagian 'ulama. Ini kerana ketika ayat ini diturunkan tidak ada kelompok yang disebut sebagai penuntut ilmu dengan sahabat-sahabat Rasulullah (al-Qaradawi 2001 : 1/112). Walaupun 'ulama Hanafi berbeza pendapat berkaitan dengan makna *fisabilillah*, tetapi kumpulan ini **sependapat** menyatakan bahawa kefakiran dan keperluan yang mendesak menjadi syarat utama pemberian zakat kecuali bagi asnaf amil zakat (al-Qanuji 1992 : 5/331). Begitu juga kumpulan ini sepakat bahawa zakat tidak boleh digunakan untuk membina masjid, jambatan, tempat minum, memperbaiki jalan ataupun perkara yang tidak bersifat pemilikan seperti mengurus jenazah dan membayar hutang (al-Andalusi 2001 : 50).

Kedua; **Madhhab Maliki**; Ibn 'Arabi dalam kitabnya *'Ahkam al-Qur'an* ketika mentafsirkan *fisabilillah* dalam ayat 60 Surah al-Taubah menyatakan: "Jalan Allah itu banyak, tetapi aku tidak mengetahui maksud lain bagi ayat ini kecuali berperang pada jalan Allah s.w.t" (Ibn 'Arabi t.th.: 2/957). Muhammad bin Abu al-Hakam berkata: "Dikeluarkan dari zakat untuk membuat baju perang, senjata dan alat perang lain yang diperlukan untuk menghalang serbuan musuh, kerana ini termasuk pengertian berperang pada jalan Allah s.w.t dan persiapan untuk perang. Dalam *Sharh Dardir Matn Khalil* dinyatakan bahawa golongan yang berperang pada jalan Allah s.w.t diberi zakat termasuk juga untuk kelengkapan perang seperti senjata dan kuda. Orang yang berperang pada jalan Allah s.w.t boleh menerima zakat walaupun pada zahirnya dia terdiri dari golongan kaya kerana dia menerima zakat atas asas asnaf berperang *fisabilillah* dan bukan atas asas asnaf *fuqara'* dan *masakin* (al-Qaradawi 2001 : 1/112).

Walaupun pengarang tersebut membolehkan golongan kaya yang berperang *fisabilillah* diberikan zakat, tetapi sumber zakat tidak boleh digunakan untuk membina benteng untuk menahan serangan musuh dan sumber tersebut juga tidak boleh dibelanjakan untuk membeli atau membuat kenderaan perang. Imam Dusuqi dalam situasi ini berpendapat bahawa pendapat tersebut hanyalah pandangan Ibnu Bashir, bukan pandangan jumur *Malikiyyah* (al-Qarawadi 2001: 1/113).

Ketiga; **Madhhab Shafi'i**; Imam Nawawi dan Ibn Hajar al-Haythami berpendapat bahawa maksud *fisabilillah* ialah sukarelawan perang yang tidak mendapat gaji tetap daripada kerajaan (al-Nawawi 1996 : 6/200). Menurut Ibn Hajar al-Haythami, maksud asal *fisabilillah* ialah jalan yang menyampaikan seseorang kepada (keredhaan) Allah s.w.t. Kemudian pengertian ini banyak digunakan untuk maksud jihad (perang pada jalan Allah s.w.t), kerana ia merupakan sebab yang jelas menyampaikan seseorang pada jalan Allah s.w.t. Kemudian pengertian ini digunakan kepada golongan sukarelawan perang, golongan ini berjuang bukan atas asas mendapat ganjaran daripada kerajaan tetapi semata-mata mencari keredhaan Allah s.w.t. Justeru itu, golongan ini lebih berhak untuk mendapat sesuatu dari sumber zakat walaupun mereka terdiri daripada golongan kaya (al-Sharbini 1996 : 331).

Imam Shafi'i dalam kitab *al-'Umm* mensyaratkan bahawa zakat dalam kes ini mesti diberikan kepada golongan yang dekat dengan pengeluar zakat (jiran) dan tidak boleh diberikan selain daripada itu kecuali dalam situasi terdesak maka boleh diberikan kepada golongan selain daripada jiran, contohnya dalam kes untuk menghalang serangan kaum *mushrikin* (musuh). Pendapat ini dikeluarkan kerana beliau berpendapat hasil kutipan zakat hendaklah diagihkan di tempat di mana ianya dikumpulkan tanpa mengagihkannya di tempat atau negara lain (al-Shafi'i t.th.: 2/60). Imam Nawawi juga berpendapat bahawa pejuang di jalan Allah s.w.t harus diberi bekalan dan pakaian pada ketika pergi dan balik serta ketika di medan perang walaupun dalam tempoh masa yang lama (al-Nawawi 1992 : 2/183).

Keempat; **Maddhab Hanbali**, pendapat *'ulama* maddhab ini dilihat selari dengan madhhab Shafi'i apabila kumpulan ini juga menyatakan maksud kalimah *fisabilillah* ialah sukarelawan yang berperang pada jalan Allah s.w.t tanpa mendapat sebarang gaji daripada kerajaan atau pemerintah. Golongan *fisabilillah* ini diberi zakat walaupun mereka terdiri dari golongan kaya (al-Buhuti 1986 : 2/283). Dalam *Ghayah Muntaha* dan

Sharahnya, dinyatakan bahawa dibolehkan bagi kerajaan untuk membeli daripada harta zakat kelengkapan perang seperti kuda dan sebagainya dan diserahkan untuk digunakan dalam peperangan, walaupun individu yang berperang itu ialah individu yang mengeluarkan zakat itu sendiri. Kes ini berbeza dengan kes tidak dibolehkan pemilik harta yang mengeluarkan zakat itu sendiri. Kes ini berbeza dengan kes tidak dibolehkan pemilik harta yang mengeluarkan zakat, kemudian (dengan wang zakat yang dikeluarkannya) membeli sendiri kuda yang akan digunakan untuk jihad atau membeli benda-benda lain dan diwakafkan untuk kegunaan *fisabilillah*, ini kerana pemilik harta tersebut tidak mengeluarkan zakat dengan cara yang diperintahkan (al-Qaradawi 2001 : 1/116).

Dalam kes ibadah haji, terdapat dua riwayat daripada Imam Ahmad. Pertama; termasuk dalam pengertian *fisabilillah* ialah orang fakir yang berhak diberi zakat untuk melaksanakan ibadah haji tersebut. Kedua; tidak dibolehkan menggunakan zakat atas asnaf *fisabilillah* untuk mengerjakan haji (al-Qaradawi 2001 : 1/116). Pandangan kedua ini dipilih oleh Ibn Qudamah berasaskan kepada beberapa alasan; pertama, ayat *fisabilillah* (surah al-Taubah ayat 60) tersebut bersifat mutlak, oleh itu ia digunakan dengan makna jihad kerana sebahagian besar ayat al-Quran yang berkait dengan lafaz *fisabilillah* digunakan dengan makna tersebut (jihad) kecuali sebilangan kecil sahaja yang digunakan untuk maksud lain (Ibn Qadamah 1994 : 2/420).

Kedua, Zakat pada asasnya digunakan untuk dua golongan sahaja; pertama, golongan yang benar-benar memerlukan seperti *fuqara'* dan *masakin*, *al-riqab* (hamba) dan *al-gharimun* (orang yang berhutang). Kedua, untuk memenuhi keperluan kaum muslimin seperti 'amil (petugas zakat), orang yang berperang pada jalan Allah s.w.t dan golongan muallaf. Justeru itu, ibadah haji bagi golongan fakir adalah tidak diwajibkan. Mewajibkan ibadah tersebut bagi orang fakir bererti memberatkan sesuatu tidak pada tempatnya. Allah s.w.t tidak mewajibkan haji bagi golongan ini, oleh itu, lebih baik diserahkan bahagian ini kepada golongan yang benar-benar memerlukannya dan digunakan untuk kemaslahatan kaum muslimin (al-Qaradawi 2001 : 1/116).

Apa yang menarik perhatian, mereka yang mentafsirkan makna *fisabilillah* terhad kepada jihad dan perkara yang berkaitan dengannya mendapat sokongan daripada sebahagian besar 'ulama-'ulama terkenal; antaranya Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi al-Basri (t.th.: 2/376), Abi al-Layth Nasir al-Din Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim al-Samarkhandi (1993 : 57), Muhammad bin Yusuf Abi Hayyan al-Andalusi (1993 : 6/61), Abi Qasim Jar Allah Mahmud bin 'Umar bin Muhammad al-Zamakhshari (1995 : 2/274), Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shawkani (1995 : 2/466), Jalal al-Din al-Suyuti (2000 : 196), Muhammad 'Ali al-Sabuni (t.th.: 543), 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Abd. Rahman bin Baz (t.th: 533).

Daripada perbincangan di atas dapat **dirumuskan** bahawa *fuqaha'* madhhab empat bersepakat dalam tiga perkara; pertama, *jihad* secara pasti termasuk dalam ruang lingkup *fisabilillah*. Kedua, mereka bersepakat mengenai penyerahan kutipan zakat kepada individu yang berjuang di jalan Allah s.w.t, tetapi tidak bersepakat dalam soal menggunakan kutipan zakat untuk membeli peralatan perang. Ketiga, kutipan zakat tidak boleh digunakan untuk kepentingan dan kebaikan umum seperti membina jambatan, masjid,. sekolah dan sebagainya. Selain tiga perkara yang disepakati di atas

madhhab Shafi'i dan Hanbali juga sepakat menyatakan bahawa hanya sukarelawan perang yang tidak mendapat gaji daripada pemerintah berhak menerima zakat. Selain itu, semua 'ulama madhhab empat selain madhhab Hanafi mengharuskan menyerahkan zakat untuk kepentingan jihad secara umum.

## **2.2 Kumpulan Kedua: Meluaskan maksud *fisabilillah* tidak terhad kepada jihad**

Kumpulan ini terbahagi kepada dua: pertama, meluaskan maksud *fisabilillah* kepada segala perbuatan *taqarrub ila Allah* dan taat kepadaNya, dan kedua, mereka yang meluaskan *fisabilillah* kepada perkara yang berkaitan dengan kepentingan umum (*masalah ʿammah*).

### **2.2.1 Pertama: Mereka yang meluaskan maksud *fisabilillah* meliputi segala perbuatan *taqarrub ila Allah* dan taat kepadaNya.**

Sebahagian daripada 'ulama silam berpendapat bahawa maksud *fisabilillah* merangkumi semua perbuatan yang dapat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t (al-Ashqar 2004 : 2/767-81). Al-Razi menukilkan daripada al-Qaffal tentang pendapat tersebut daripada sebilangan fuqaha' silam tanpa menamakan mereka. Dalam tafsirnya, al-Razi berkata: "Ketahuilah bahawa makna zahir bagi lafaz '*fisabilillah*' (dalam ayat 60 Surah al-Taubah) tidak boleh dikhususkan kepada peperangan semata-mata, makna ini dinukilkan oleh al-Qaffal dalam tafsirnya daripada sebilangan fuqaha' yang mengharuskan penggunaan zakat kepada semua jenis kebaikan termasuklah mengkafankan mayat, membina penjara dan mengimarahkan masjid, ini adalah kerana lafaz '*fisabilillah*' datang dalam bentuk umum" (al-Razi 1999 : 8/90-91).

Al-Kasani ialah antara 'ulama yang meluaskan makna lafaz '*fisabilillah*'. Dalam kitabnya *Bada'i ʿal-Sanaʿi*, beliau mentafsirkan lafaz '*fisabilillah*' dengan maksud satu lafaz yang menunjukkan kepada semua perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu, termasuk dalam kategori ini ialah setiap orang yang melakukan kebaikan dan ketaatan kepada Allah s.w.t dengan syarat ia benar-benar memerlukan zakat (1997 : 2/72-73).

Sadiq Hasan Khan dalam *al-Rawdah al-Nadiyyah* menyatakan bahawa walaupun jihad pada jalan Allah adalah sebesar-besar jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, tetapi tidak terdapat dalil yang mengkhususkan maksud lafaz '*fisabilillah*' kepada makna perang pada jalan Allah semata-mata, sebaliknya ia boleh ditafsirkan dengan maksud apa saja perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Ini adalah maksud lafaz tersebut dari segi bahasa dan wajib menggunakan maksud lafaz dari sudut bahasa selama mana tidak terdapat dalil syara' dalam perkara ini (al-Qanuji t.th.: 1/206).

Berasaskan kepada pandangan *fuqaha'* yang mengharuskan kutipan zakat digunakan dalam perkara-perkara yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t maka diharuskan kutipan zakat ini diberi kepada golongan '*ulama* walaupun mereka

terdiri dari golongan kaya. Ini kerana golongan *'ulama* berjuang untuk mendidik manusia dalam soal-soal keagamaan, justeru itu mereka juga berhak dalam soal agihan zakat tanpa mengira sama ada mereka ini daripada golongan kaya atau miskin. Menurut Sadiq Hasan Khan, membelanjakan/mengagihkan zakat kepada *'ulama* dalam soal *'fisabilillah*' adalah sebaik-baik perkara kerana para *'ulama* adalah pewaris para nabi, di tangan merekalah terpelihara syariat Islam (al-Qanuji t.th.: 1/207).

Antara *'ulama* silam yang cenderung kepada pentafsiran seperti ini ialah Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi *'ulama* tafsir terkenal yang mengarang Kitab *Mahasin al-Ta'wil li al-Qasimi* (al-Qasimi t.th.: 60). Manakala Al-Shaykh Hasan Ayyub pula adalah antara *'ulama* semasa yang menyokong pandangan ini, dalam penulisannya, beliau berpegang kepada kata-kata al-Imam Abu Hanifah: "Yang dimaksudkan dengan *'fisabilillah*' adalah semua perkara yang boleh menghampirkan diri kepada Allah s.w.t termasuk dalam perkara ini ialah sesiapa yang berusaha dalam mencari ketaatan Allah dan di jalan kebaikan, maka boleh dibantu usahanya itu dengan zakat untuk kebaikan Islam dan golongan muslimin" (al-Ashqar 2004: 2/773).

Selain daripada hujjah yang dikemukakan di atas, kumpulan ini berpegang kepada beberapa hujjah lagi; **pertama**, lafaz kalimah *'fisabilillah*' berbentuk umum, oleh itu tidak boleh dikhususkan kecuali terdapat dalil-dalil yang menyatakan sedemikian. **Kedua**, banyak hadis-hadis yang menunjukkan harus menggunakan zakat dalam soal haji termasuk dalam pengertian *'fisabilillah*'. Perkara ini telah disahkan kebenarannya daripada sejumlah sahabat Rasulullah s.a.w antaranya Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar dan selain daripada mereka.

**Ketiga**, mereka berpegang kepada satu hadis Rasulullah yang terdapat dalam *Shahih al-Bukhari* dalam bab *al-Qasamah* di mana Rasulullah telah membayar diat seorang sahabat yang dibunuh oleh seorang Yahudi yang tidak dapat dikenalpasti identitinya dengan unta yang dibeli dengan menggunakan kutipan zakat. Ini menunjukkan keharusan menggunakan kutipan zakat untuk semua perkara kebaikan dan mendekati diri kepada Allah s.w.t. **Keempat**, golongan ini juga berdalilkan bahawa golongan sahabat mengambil harta-harta Allah yang sejumlah daripadanya adalah zakat setiap tahun, mereka menamakannya *'Ata'* (pemberian) dan mereka terdiri daripada golongan kaya dan miskin (al-Ashqar 2004/775-80).

### **2.2.2 Kedua: Mereka yang meluaskan maksud fisabilillah merangkumi perkara yang melibatkan kepentingan umum (*masalah ʿammah*).**

Al-Shaykh **Muhammad Rashid Reda** mentafsirkan *masalah ʿammah* sebagai satu kepentingan umum kaum muslimin yang dengannya akan tertegak urusan-urusan agama dan negara dan bukan untuk tujuan individu (Rashid Reda 1953 : 504). Dalam pentafsirannya terhadap lafaz *'fisabilillah*' beliau memasukkan penyediaan tentera, makanan tentera, pengkebumian jenazah tentera, mendirikan hospital tentera, hospital awam dan semua yang berkaitan dengan kepentingan umum adalah layak untuk menerima pembiayaan zakat dari asnaf *'fisabilillah*'. Selain itu, beliau juga membolehkan guru-guru yang mengajar ilmu-ilmu syariah menerima pembiayaan zakat

dari asnaf '*fisabilillah*' selama mana mereka tidak menerima pembiayaan dari sumber-sumber lain kerana ia juga termasuk dalam kategori kepentingan umum (1953 : 506; al-Ashqar 2004 : 2/781).

Al-Shaykh **Muhammad Shaltut** antara '*ulama* semasa yang mendokong pandangan ini. Dalam mendefinisikan *al-masalih al-'ammah*, beliau menerangkan bahawa yang dimaksudkan dengan *al-masalih al-'ammah* sebagai sesuatu yang bukan milik individu tertentu, bukan juga terhad manfaatnya terhadap individu tertentu, ia adalah milik Allah s.w.t dan manfaatnya adalah untuk semua makhluk Allah s.w.t. Antara perkara-perkara yang termasuk sebagai *al-masalih al-'ammah* menurut Al-Shaykh Muhammad Shaltut ialah menyediakan askar untuk bertindak terhadap pemberontak, membina hospital tentera dan hospital awam, membuat dan memperbaiki jalan, menyambung dan membina landasan keretapi, menghantar para pendakwah Islam dan kerja-kerja menjaga kehormatan dan kemuliaan al-Quran.

Satu ketika Al-Shaykh Muhammad Shaltut ditanya berkaitan dengan keharusan penggunaan kutipan zakat untuk membina masjid, beliau berpendapat: "Jika masjid yang ingin dibina itu adalah satu-satunya masjid yang terdapat di kampung tersebut atau ada masjid lain tetapi tidak mampu untuk menampung jemaah yang ramai dan ia memerlukan pembinaan masjid baru atau memperbaiki/membesarkan masjid sedia ada, maka dibolehkan untuk menggunakan kutipan zakat untuk membina masjid baru atau memperbaiki/membesarkan masjid sedia ada kerana perkara tersebut menepati apa yang disebut dalam ayat 60 surah al-Taubah di bawah asnaf '*fisabilillah*'. Ini adalah kerana maksud '*fisabilillah*' dalam ayat tersebut ialah *al-masalih al-'ammah* (Rashid Reda 1953 : 782; al-Ashqar 2004: 2/782).

Kedua-dua '*ulama* terkenal ini (Rashid Redza & Shaltut) berpendapat bahawa pentafsiran tepat bagi kalimah '*fisabilillah*' dalam ayat 60 Surah al-Taubah ialah *al-masalih al-'ammah* dan mereka tidak menjumpai maksud lain selain daripada maksud tersebut. Al-Shaykh Muhammad Shaltut umpamanya dalam soal ini berkata: "Kami tidak menjumpai makna bagi lafaz '*fisabilillah*' dalam al-Quran selain daripada makna kebaikan umum dan menyeluruh, begitu juga halnya dalam ayat *masarif al-zakah* (ayat 60 surah al-Taubah). Adalah sesuatu yang ganjil bagi kebanyakan manusia yang mentafsirkan lafaz tersebut dengan hanya makna jemaah haji yang terputus bekalan di perjalanan dan tentera juga yang terputus bekalan". Antara '*ulama-ulama* lain yang sependapat dengan kedua-dua '*ulama* besar ini ialah al-Fadl bin al-Hasan al-Tabrasi (1992 : 541), al-Shaykh Muhammad 'Abduh, Sayyid Qutub, Mahmud Abu Sa'ud dan al-Shaykh Abu Bakar al-Jaza'iri (al-Ashkar 2004 : 2/783).

Dr. Muhammad 'Abdul Qadir Abu Faris antara '*ulama* semasa yang menyokong pandangan ini. Beliau dalam hal ini dilihat mengemukakan beberapa **hujjah untuk memperkuat pendapatnya; pertama**, tidak terdapat nas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang mengkhususkan pentafsiran lafaz '*fisabilillah*' kepada makna tertentu, justeru perkara ini termasuk dalam perkara *ijtihadiyyah* dan perkara *ijtihadiyyah* sememangnya diperselisihkan di kalangan '*ulama*. Setiap '*ulama* dalam soal ini berhak ber*ijtihad* dan mengikut pandangan yang dianggapnya lebih tepat dan sesuai. Kedua, beliau berpegang kepada hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah membayar diat seorang sahabat yang dibunuh oleh seorang Yahudi yang tidak dikenalpasti identitinya



dengan menggunakan wang zakat. Beliau seterusnya menyatakan bahawa pengarang kitab *al-Manha al-'Azb al-Mawrud fi Sharh Sunan Abi Daud* ketika menjelaskan erti hadis ini berkata: "Dibayar diat adalah untuk mengelakkan terjadi persengketaan, untuk memperbaiki hubungan dan menenangkan perasaan keluarga mangsa". Ini menunjukkan dibolehkan membelanjakan kutipan zakat kepada perkara-perkara yang bersifat *al-masalih al-'ammah*.

**Ketiga**, jika para fuqaha' berpendapat bahawa '*illah*' bagi kewajipan menyerahkan zakat kepada asnaf lapan adalah kerana keperluan dan manfaat bagi keseluruhan kaum muslimin, tidak bolehkah kita gunakan '*illah*' ini kepada semua yang melibatkan kepentingan kaum muslimin untuk mendapat pembiayaan daripada sumber zakat: **Keempat**, jika qadi dibolehkan mengambil dan menerima zakat atas asas menjaga kepentingan awam, maka sebarang perkara yang bersifat kepentingan umum dibolehkan menerima peruntukan daripada kutipan zakat. **Kelima**, jika dibolehkan menerima zakat bagi golongan penuntut ilmu apakah tidak boleh sumber zakat digunakan untuk membina sekolah dan institusi pendidikan yang menjadi asas kepada proses pembelajaran?

Dan **keenam**, jika dilihat dalam soal *jihad*, *jihad* terbahagi kepada beberapa bahagian di antaranya *jihad* dalam bidang politik, *jihad* dalam bidang pendidikan dan *jihad* dalam bidang ketenteraan. Jika diamati, jenis-jenis jihad ini termasuk dalam menjaga kepentingan umum, justeru adalah tepat pendapat yang tidak menghadkan pentafsiran lafaz '*fisabilillah*' kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan perang di jalan Allah semata-mata bahkan pentafsirannya merangkumi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan umum.

### 3. RUMUSAN

Dalam pentafsiran asnaf '*fisabilillah*', '*ulama* berselisih pendapat berkenaan maksud sebenar kalimah '*fisabilillah*'. Justeru itu, timbul golongan yang menghadkan makna kalimah tersebut kepada jihad semata-mata dan golongan yang meluaskan makna kalimah tersebut lebih daripada jihad semata-mata. Dalam soal ini, ulama' semasa perlu melakukan *tarjih* bagi menilai semua pandangan-pandangan fuqaha' di atas dan *mentarjihkan* pandangan yang dirasakan sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa hari ini. Ini kerana pendapat-pendapat fuqaha' silam bukanlah sesuatu yang *riqid/qat'i*. Justeru, bagi membangunkan institusi zakat yang kukuh dan berwibawa, para '*ulama* semasa perlu memainkan peranan penting terutamanya dalam soal pentafsiran hukum zakat yang bersifat semasa agar pentafsiran yang dikemukakan itu selari dengan tuntutan dan keperluan semasa. Perselisihan '*ulama* dalam soal pentafsiran kalimah '*fisabilillah*' seharusnya dijadikan asas untuk membina satu institusi zakat yang kukuh, berwibawa dan lebih berkesan dalam menyelesaikan masalah ummah dan pembangunan negara.

Mengenai maksud *al-Sadaqat* ayat 60 dalam Surah al-Baqarah ialah zakat fardu dan lainnya yang berbentuk sadaqah *mandubah* (digalakkan). Lafaz *am* tersebut memberi pengertian sama ada zakat fardu/wajib atau *mandubah* dan ia dikuatkan

dengan dalil ayat. Ada sebahagian *'ulama* lainnya berpendapat ianya dimaksudkan dengan zakat fardu (semata) sebab *alif lam* dalam perkataan *al-Sadaqat* itu merupakan *al-ahad* iaitu sadaqah wajibah yang disyaratkan dalam al-Qur'an ayat yang sebelumnya, dan sadaqah *mandubah* inilah yang dibolehkan untuk membina masjid dan sekolah. Ada pula sebahagian (*'ulama*) lainnya berpendapat maksud ayat itu ialah pembahagian antara lapan asnaf, ada juga yang menyatakan boleh diberi kepada satu asnaf (*'fisabilillah*) sahaja, pendapat ini didokong oleh 'Umar, Ibn 'Abbas, 'Ata', Ibn Jabir, Malik dan Abu Hanifah (Tantawi 1985 : 6/203/04).

Mengenai penggunaan huruf "*lam*" dan "*fi*" dalam ayat 60 bagi golongan Shafiyah bermaksud milik/pemilikan, ini bermakna zakat hendaklah diagihkan kepada kesemua asnaf (jika wujud) bukan hanya satu asnaf sahaja. Ada juga berpendapat sebaliknya, ini kerana struktur ayat sedemikian menjelaskan bilangan asnaf yang harus menerima zakat, bukannya yang mesti menerima zakat. Hal ini diperkuatkan dengan maksud ayat. Begitu juga Rasulullah s.a.w pernah diserahkan harta zakat dan kemudian diberikan kepada asnaf mu'allaf sahaja, begitu juga halnya dengan *gharimin*, ini menunjukkan tidak semestinya apabila harta zakat hendaklah diserahkan dicari semua asnaf dan baru diberikannya, malah pada masa tertentu jika keperluan itu hanya untuk satu asnaf maka boleh diserahkan kepadanya, sekalipun hanya seorang sahaja dalam asnaf berkenaan (al-Alusi t.th.: 10/125).

#### 4. APLIKASI SEMASA

Sebelum ini telah dijelaskan secara umum *ara' al-fuqaha* dan *mufasirin* tentang asnaf *fisabilillah* dari segi teori agihan ke atas asnaf berkenaan. Berikut akan difokuskan kepada keadaan yang berlaku secara umum dan amalannya di negeri-negeri di Malaysia, khususnya di negeri Selangor.

Asnaf yang berhak menerima agihan di negeri Selangor umpamanya hanya tujuh sahaja. Asnaf *riqab* tidak wujud, ia bermakna saiz agihan bertambah menjadi 14.28% bagi setiap asnaf, tetapi tidak bermakna setiap asnaf mesti mendapat 14.28% sebaliknya ia bergantung kepada keperluan, keutamaan dan keputusan Majlis Agama Islam berkenaan.

Pada dasarnya walaupun semua hasil kutipan zakat wajib diagihkan kepada semua asnaf yang ada, tetapi ia tidak wajib disamakan agihan tersebut di antara satu asnaf dengan asnaf yang lain. Begitu juga tidak wajib disamakan agihan zakat di antara seseorang dengan yang lain dalam satu asnaf. Pihak majlis atau wakilnya (yang diberi kuasa bagi pihaknya) boleh menentukan kadar agihan zakat antara satu asnaf dengan asnaf yang lain, begitu juga antara seseorang dengan yang lain dalam setiap asnaf.

Berpandukan kepada perbincangan *ara' fuqaha`* dan *mufassirin* mengenai teori agihan ke atas asnaf zakat *fisabilillah*, di samping melihat perkembangan semasa institusi zakat di negeri-negeri di Malaysia ternyata menunjukkan adanya ruang untuk para pengamal dasar Lembaga Zakat atau Majlis Agama Islam dan jabatan-jabatan yang berkaitan berjihad dalam mengurus dan mentadbir harta zakat supaya lebih

praktikal dan berkesan dalam memartabatkan ekonomi umat Islam. Bagaimanapun dalam perkara yang *diikhtilaf* (tidak disepakati) yang mencambahkan pelbagai pendapat di kalangan para *fuqaha`*, maka pengamal dasar mempunyai ruang yang cukup besar sama ada ikut salah satu daripada pendapat mereka atau jika difikirkan perlu boleh berjihad dalam perkara yang tidak bertentangan dengan tuntutan syarak dan roh perundangan Islam. Dalam hal ini, Islam memberi jaminan dan keadilan dalam memilih salah satu perkara dasar yang sesuai mengikut keperluan semasa.

Dalam soal agihan zakat, pelbagai pendapat para *fuqaha`* telah dikemukakan. Pada dasarnya, mengikut urutan seperti berikut, empat asnaf yang pertama (iaitu fakir, miskin, amil dan muallaf dalam ayat 60, *surah al-Taubah*) menggunakan *`lam al-tamlik`* dan *`waw al-tasyrik`*, ini menunjukkan keempat-empat asnaf berhak memiliki dan berkongsi ke atas harta zakat sesama mereka. Bagaimanapun tidak wajib disamakan agihan zakat di antara satu asnaf dengan asnaf yang lain, dan juga tidak wajib disamakan agihannya di antara seseorang dengan yang lain dalam satu-satu asnaf. Sementara empat asnaf kemudiannya (iaitu *riqab, gharim, fisabilillah* dan *ibn sabil*) menggunakan huruf *`fi`* yang lebih umum merangkumi seluruh jenis pemilikan/penggunaan dan ia lebih fleksibel dalam cara agihan dan kegunaannya berbanding dengan yang pertama yang membawa konotasi memiliki dan berkongsi sesama mereka, boleh diguna hanya dengan keizinan mereka.

Oleh kerana tujuan agihan zakat itu untuk mengatasi keperluan mereka yang berhajat dan dalam masa yang sama untuk mengeluarkan golongan tersebut daripada terus menerus dibelenggu kemiskinan dan masalah, maka perlu diadakan cara atau kaedah, iaitu diberi alat atau modal kecukupan untuk berusaha mengatasi masalah yang dihadapi, bukan diberi zakat untuk kegunaan habis. Jika memilih cara yang pertama, sekurang-kurangnya dalam jangka masa pendek, mereka boleh terlepas daripada belenggu kemiskinan dan masalah, dan dalam jangka masa panjang mereka akan terkeluar daripada asnaf lapan dan akhirnya mereka menjadi pembayar zakat. Pada umumnya bentuk inilah yang sedang diamalkan di kalangan pengamal—pengamal zakat di Malaysia. Apa yang wujud dalam keadaan sekarang ialah agihan yang bukan dalam bentuk tradisi semata-mata, tetapi juga seharusnya wujud dalam bentuk yang lebih sesuai mengikut keperluan semasa.

Daripada lapan asnaf boleh dibahagi kepada beberapa kumpulan berikut;

- (a) Kumpulan *amil*, 1/8 bahagian. Kos pengurusan ke atas asnaf tersebut seharusnya tidak melebihi 12.5% daripada keseluruhan harta kutipan zakat termasuk kos R & D.
- (b) Kumpulan *muhtajin*, 6/8 terbahagi kepada dua:

**Pertama:** *fuqara`* dan *masakin*. Dalam apa jua keadaan keperluan dan keutamaan diberikan kepadanya dalam ukuran *had kifayah*/ikut kadar kecukupan, iaitu mencukupi bagi keperluan makanan, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

**Kedua:** meliputi asnaf *muallaf, riqab, gharim, dan ibn sabil* yang lebih luas dan umum agihannya merangkumi seluruh jenis agihan yang bertujuan *taqarrub ila Allah*, taat kepadanya dan *masalah amah* – kepentingan umat Islam dan kesejahteraannya.

Cara pemberian *muhtajin* dalam dua bentuk:

Pertama, diberikan kepada orang yang tidak mempunyai keupayaan bekerja dengan tenaga. Ini khususnya kepada mereka yang tua dan lemah. Mereka hendaklah diberi sara hidup harian atau ditempatkan dalam satu projek, iaitu Penempatan Ibadah Orang-orang Tua (PIOT).

Kedua, diberikan kepada mereka yang mempunyai keupayaan bekerja dengan tenaga tetapi tidak bermodal. Mereka boleh diberi dua pilihan sama ada:

Menjalankan projek persendirian seperti perniagaan kecil-kecilan atau

Mengikuti projek Penempatan Pemulihan, anjuran Jabatan/Majlis Agama dan badan-badan pertubuhan lain.

Sumber Dana *Muhtajin*

Selain 6/8 bahagian zakat, jika terdapat kekurangan boleh diambil daripada kewangan Baitul Mal, peruntukan kerajaan (grant) dan kutipan derma daripada orang ramai. Perlu ditubuhkan Tabung *Keperluan Muhtajin (TKM)*.

(c) Golongan *Fi Sabilillah* 1/8 Bahagian

Boleh diberi dua pengertian iaitu Khusus dan Am.

Pertama, Khusus, mengikut Imam Syafi'i ialah mereka yang berjihad secara sukarela (tentera yang tidak bergaji) atau dalam konteks sekarang, golongan berdakwah sukarela yang tidak mendapat gaji tetap. Dakwah boleh bermakna secara lisan ataupun tulisan. Ini memerlukan alat sebaran dakwah yang cekap dan berkesan melalui media elektronik, seperti radio/t.v atau sebaran am dan lainnya.

Kedua, Am ialah dalam bentuk yang lebih luas daripada di atas/ Ini bermakna tanggungjawab itu dipikul bersama oleh semua pihak sama ada individu, masyarakat atau pemerintah. Untuk menjalankan kegiatan yang besar ini perlu kepada dana yang banyak.

Sumber Dana/Kewangan

*1/8 fi sabilillah*. Selain 1/8 bahagian zakat, jika perlu diambil daripada sumber Baitul Mal, kerajaan dan derma orang ramai. Tabung *Fi Sabilillah* (TAFIS) sekurang-kurangnya daripada tiga sumber di atas, perlu ditubuhkan.

(d) Golongan *Amil 1/8 Bahagian*

Boleh dibahagi kepada dua : *Mufawwad* dan *Tanfidh Amil Mufawwad* ialah amil yang merancang dan membuat polisi/dasar dan amil *Tanfidh ialah* amil pelaksana dasar dan keputusan.

*Pertama Amil Mufawwad* terdiri daripada pelbagai golongan profesional bertugas sebagai perancang dan pembuat dasar peringkat tertinggi. Jika perlu mereka boleh diberi elaun tetap dan elaun menghadiri mesyuarat, dan lainnya.

Kedua, *Amil Tanfidh* ialah para pegawai dan kakitangan institusi zakat yang melaksanakan segala keputusan *Amil Mufawwad*. Mereka diberi gaji tetap.

Sumber Dana/Kewangan

*1/8 Amil*. Selain 1/8 bahagian zakat, jika tidak mencukupi boleh diambil daripada Baitul Mal, bantuan tetap kerajaan dan derma orang ramai. Jika perlu ditubuhkan Tabung Pengendalian Zakat (TAPIZ).

## 5. RUMUSAN

Zakat merupakan instrumen paling asas dalam sistem ekonomi Islam. Ia menjadi nadi kepada infrastruktur pembangunan dan ia juga merupakan sumber utama dalam struktur hasil pendapatan Negara. Banyak sedikitnya adalah bergantung kepada kesedaran umat Islam menghayatinya. Perlu diingat bahawa dengan terlaksananya Sistem Zakat, tidak bermakna semua persoalan harta dan kewangan, pembangunan Negara dan masalah-masalah yang berkait dengannya telah selesai. Kekuatan pembangunan adalah terletak di atas asas yang kukuh dan sistem zakat inilah merupakan asas kuat kepada seluruh pembangunan dalam Islam. Kesempurnaan pelaksanaannya akan menjamin individu, masyarakat dan negara berada dalam keadaan yang selesa, aman, mendapat rahmat dan keberkatan Allah.

Dalam keadaan di mana orang Islam mempunyai sikap positif 'malu kalau tidak mengeluarkan zakat' dipercayai hasil zakat akan meningkat dengan banyak. Akan timbul nanti persoalan kemanakah zakat diagihkan setelah memenuhi keperluan sebahagian besar atau semua asnaf, atau bolehkah zakat itu dilaburkan untuk

kepentingan umat Islam secara global, bukan hanya terhad kepada Malaysia dan apakah ketika itu boleh digunakan untuk non muslim bagi menarik minat mereka terhadap Islam.

Persoalan seperti di atas bukan khayalan, tetapi sebaliknya akan menjadi kenyataan kalau semua orang Islam mempunyai sikap 'malu menerima zakat'. Apabila persoalan tersebut timbul, sudah pasti menagih para ilmuan dan *fuqaha`* mencari atau penyelesaian hukum, bukan membiarkannya tidak terjawab. Jadi apa juga keputusan atau hukum, yang dibuat ketika itu seharusnya tidak lari daripada tuntutan syarak yang mengutamakan kebajikan, kebijaksanaan dan keadilan, di samping menjaga masalah dan juga tidak mengeneipkan roh perundangan Islam yang mendasari seluruh kriteria hukum dan pelaksanaan kegiatan hidup muslimin.

Islam sifatnya terbuka, fitri dan universal dalam apa jua keadaan. Untuk menghadapi suasana sedemikian umat Islam sepatutnya mula bersedia mengatur langkah dengan segala ilmu dan kekuatan untuk berdepan dengan globalisasi kemajuan dunia yang sering menggugat keyakinan dan iltizam umat Islam itu sendiri.

Para *fuqaha`* terdahulu telah banyak menggariskan panduan melalui pendapat mereka yang bernas yang boleh dijadikan panduan kepada umat Islam dan pengamal-pengamal zakat Negara-negara Islam pada hari ini. Dalam sesetengah pendapat ianya boleh disesuaikan mengikut keperluan semasa. Oleh kerana pendapat mereka bukan *nass qat`i*, hal ini memberi peluang kepada para fuqaha mutakhir mengemukakan pendapat yang difikirkan sesuai, selari dengan tuntutan syarak, tidak lari dari roh perundangan Islam, serasi dengan tuntutan semasa, keperluan negara dan umat Islam.


Soalnya sekarang terpulang kepada sikap para ulama` dan pihak berwajib untuk meneroka sesuatu yang lain daripada amalan tradisi yang berlaku pada hari ini. Mungkin akan ada suara-suara yang kurang senang dengan pandangan ini, tetapi ini suatu hakikat yang pasti akan dilalui apabila Negara mencapai satu tahap pembangunan yang pesat yang menagih semua pihak terlibat sama dalam usaha memartabatkan umat Islam dan ekonominya mendominasi globalisasi pembangunan dunia seluruhnya.


Halangan-halangan struktur yang dihadapi oleh pengamal-pengamal zakat, termasuk di antaranya struktur organisasi Majlis dan Jabatan Agama Islam yang terletak di bawah kuasa kerajaan negeri, yang sehingga kini usaha untuk menyelaraskan kutipan zakat masih menjadi igauan, begitu juga agihannya agak sukar untuk direalisasikan. Selain daripada itu Pengerusi Majlis masih disandang oleh bukan orang pertama dalam negeri iaitu Menteri Besar. Hal ini menyebabkan apa jua keputusan yang dibuat oleh Majlis tidak semestinya lulus di peringkat tertinggi negeri. Contoh lain oleh kerana zakat itu merupakan sistem terpenting dalam dasar fiskal dan kewangan Negara Islam, maka dalam keadaan yang ada sekurang-kurangnya

hendaklah diurus dan ditadbir secara berasingan iaitu terpisah daripada struktur organisasi yang ada sekarang.


Dalam apa juga suasana dan keadaan, umat Islam dan mereka yang bertanggungjawab seharusnya menjadikan institusi zakat itu unggul, bukan menempel dipinggiran dalam sistem yang ada. Jika setiap umat Islam sentiasa bersikap positif iaitu malu menerima zakat dan malu kalau tidak mengeluarkan zakat, adalah dipercayai dana zakat yang dikutip akan terus bertambah dengan banyaknya dan pada masa itu keperluan untuk melabur dana zakat menjadi tuntutan yang mendesak. Disinilah ilmuwan Islam dan kepimpinannya akan teruji kewibawaannya dalam menyelesaikan program pembangunan sosio-ekonomi ummah secara terancang dan bersifat global.

## LAMPIRAN A









## LAMPIRAN C

### 1. APLIKASI SEMASA AGIHAN

Perbincangan bahagian ini difokuskan kepada aplikasi semasa agihan zakat di negeri Selangor. Pemilihan ini berdasarkan urus tadbir institusinya yang agak menonjol dibanding lainnya, baik dari segi koleksi, agihan dan program-program yang disusun dibawah tadbirannya. Pada dasarnya zakat diagihkan kepada lapan asnaf iaitu asnaf fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibn sabil seperti yang dinaskan dalam surah al-Taubah – 9:60.

#### 1.1 Objektif Agihan

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyusun objektif agihan zakatnya seperti berikut:

- a. Melaksanakan agihan zakat sepertimana perintah Allah S.W.T
- b. Menyalurkan agihan zakat dengan lebih efisien
- c. Mewujudkan masyarakat seimbang dari segi ekonomi, rohani, duniawi dan ukhrawi
- d. Mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor
- e. Meningkatkan syiar Islam di negeri Selangor
- f. Memberi keyakinan kepada pembayar-pembayar zakat dan masyarakat

- g. Mempelbagaikan program agihan zakat sesuai dengan keperluan semasa asnaf

## **1.2 Program Pembangunan**

LZS Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberi penekanan kepada lima program utama:

- a) Program Pembangunan Sosial
- b) Program Pembangunan Ekonomi
- c) Program Pembangunan Pendidikan
- d) Program Pembangunan Institusi Agama
- e) Program Pembangunan Insan.

Melalui program tersebut, LZS Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merangka agenda yang bermatlamat membentuk golongan asnaf yang dapat mengeluarkan diri dari kancas kemiskinan, di samping dapat mentarbiah mereka menjadi golongan kaya budi, rohani dan mensyukuri nikmat Allah. Setiap program yang disusun ini akan memberi keutamaan kepada tiga asnaf utama iaitu fakir, miskin dan muallaf. Pemilihan asnaf utama ini dilaksanakan melalui jawatankuasa pemilihan yang ditubuhkan, dan kelayakan asnaf dinilai berdasarkan ukuran had kifayah yang ditetapkan.

### **a) Program Pembangunan Sosial**

Di bawah Program Pembangunan Sosial, LZS bertanggungjawab memastikan tiada asnaf yang mengalami masalah tempat tinggal, nafkah sara hidup serta mendapat peluang pendidikan sebagaimana orang lain. Sehubungan dengan itu, pelbagai bentuk bantuan telah disediakan bertujuan untuk memenuhi keperluan asasi dan sekaligus membolehkan asnaf tersebut menjalani kehidupan yang lebih seimbang. Pada setiap tahun, LZS telah membelanjakan hampir RM50 juta wang zakat di bawah program ini, antara bantuan-bantuan yang diberikan termasuklah:

- Bantuan bina/baik pulih/sewa rumah
- Caruman skim perlindungan takaful untuk fakir miskin
- Bantuan makanan dan kewangan bulanan
- Bantuan Ramadan dan hari raya
- Bantuan kecemasan/runcit
- Bantuan perubatan
- Bantuan seperti rawatan dan mesin hemodialisis
- Bantuan rawatan sakit kekal
- Bantuan pengurusan jenazah tanpa waris
- Bantuan kecemasan/bencana alam
- Bantuan musafir
- Bantuan permurnian akidah

- Bantuan pemulihan akhlak
- Bantuan hutang kerana keperluan hidup
- Bantuan hutang badan/persatuan untuk masalah ummah
- Bantuan hutang perubatan/pendidikan/kesihatan
- Bantuan untuk program sempena Hari Kebesaran Islam (Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Ramadan)
- Program hari keluarga
- Program gotong-royong
- Program lawatan dan ziarah

#### **b) Program Pembangunan Ekonomi**

Program Pembangunan Ekonomi melalui program keusahawanan yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan jalan keluar bagi menangani kemiskinan. Ibarat memberi 'pancing', ia bukan sahaja memberikan asnaf fakir/miskin pendapatan lumayan, malah mendidik mereka menjadi insan yang berjaya di dunia dan akhirat. Program ini juga adalah salah satu program utama agihan zakat yang dilaksanakan oleh LZS bagi menyiapkan diri keluar dari kepompong kemiskinan.

Program keusahawanan ini menjadi sebahagian mekanisme pengagihan wang zakat kepada asnaf fakir miskin dan merupakan proses jangka panjang, mengurangkan kadar kemiskinan dan juga membangunkan modal insan. Kemiskinan tidak dapat diatasi dengan hanya memberi bantuan kebendaan dan wang ringgit semata-mata. Dalam hal ini LZS telah menggariskan pelaksanaan agihan wang zakat dengan cara mendidik, memberi ilmu, membimbing dan membangunkan asnaf zakat berdasarkan potensi yang ada pada mereka.

Berdasarkan pengalaman lepas bahawa setiap asnaf fakir miskin ini tidak dapat meningkatkan pendapatan mereka. Permasalahan ini berlaku disebabkan beberapa perkara berikut ;

- a. Kekurangan modal,
- b. Kekurangan ilmu keusahawanan,
- c. Kekurangan ilmu pengurusan kewangan,
- d. Kekurangan ilmu pemasaran, kualiti produk dan jenama
- e. Kekurangan bimbingan dan pemantauan berterusan
- f. Tidak mempunyai jati diri dan watak usahawan, masalah sikap yang tidak komited dan bersungguh-sungguh
- g. Kekurangan pengisian rohani dalam mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti amanah, jujur, ikhlas dan sebagainya.

Dalam hal ini, LZS telah mengambil pendekatan bagi menangani permasalahan tersebut di antaranya ialah

- a. Pemberian modal awal dan modal tambahan apabila terdapat perkembangan perniagaan
- b. Setiap asnaf akan diteliti latarbelakang dan kecenderungan mereka. Proses pemilihan adalah agak ketat kerana LZS mahu memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dipilih. Layak dalam erti kata ada kebolehan, minat berniaga dan keinginan untuk belajar serta kemampuan fizikal
- c. Memberi ilmu dan bimbingan kepada mereka sebelum dan semasa menjalankan perniagaan.
- d. Modal di antara RM2,000 hingga RM50,000 akan diberi setelah jenis perniagaan (yang berpotensi) ditetapkan. Modal ini adalah modal hangus yang tidak perlu dibayar balik dan bentuknya lebih berupa peralatan dan modal kerja seperti mesin, barang keperluan perniagaan serta sewaan premis.
- e. Bagi kategori pertama (modal di antara RM500 – RM5,000) adalah asnaf fakir/miskin yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan seperti berniaga nasi lemak, goreng pisang di gerai, mesin rumput dan sebagainya. Bagi kategori kedua (modal melebihi RM5,000 – RM50,000) adalah asnaf fakir/miskin yang menjalankan perniagaan berskala besar seperti membuka restoran, kedai dobi, makanan tradisional, bengkel dan sebagainya.
- f. Setiap asnaf yang terpilih akan diberi kursus asas perniagaan, termasuk pengendalian kewangan dan motivasi sebelum memulakan perniagaan, diberi latihan dan pemantauan, namun bagi kategori kedua, LZS akan memberi bimbingan dan pemantauan yang lebih eksklusif
- g. Memberi ilmu kerohanian dan amalan ibadah seperti menanamkan sifat-sifat terpuji dan menghindari sifat-sifat mazmumah.

Tujuan latihan ini adalah untuk memberi perubahan sikap, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang dapat memberi kepuasan serta peningkatan mereka. Ilmu yang diberi bukan semata-mata ilmu dan kemahiran berniaga tetapi juga diterapkan nilai-nilai kerohanian Islam yang menekankan tanggungjawab sebagai seorang Islam, sifat-sifat mahmudah seperti amanah, jujur, ikhlas dan sebagainya. Di samping itu, dorongan motivasi juga ditekankan bagi memantapkan jati diri mereka.

Di samping itu, LZS turut menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) di mana ahli-ahlinya terdiri daripada asnaf yang pernah menerima bantuan modal daripada LZS. Melalui KUAZ, LZS bertindak memantau dan menjaga kepentingan ahli di samping membantu mempromosi serta menjenamakan produk keluaran asnaf tersebut.

Berikut merupakan jenis bantuan modal yang telah diberikan kepada asnaf utama:

Perniagaan	
Kedai runcit	

Gerai Makanan	
Taska	
Teksi	
Jahitan	
Gerai Minuman	
Jualan Tudung	
Gerai Kebab	
Dobi	
Jual ayam/lkan	
Jual Minyak Tradisional	
Pasar Tani	
Tukang Emas	
Kraf	
Percetakan	
Deposit Kenderaan	
Jualan Hasil Tanaman Sayur	
<b>Produk IKS</b>	
Keropok Lekor	
Tapai	
Biskut/Kuih	
Pembuatan Kaya	
Kerepek pisang,ubi,keledek	
<b>Perikanan</b>	
Ikan Air Tawar	
Enjin Bot	
<b>Pertanian</b>	
Sawah	
Tanaman sayuran	

### c) Program Pembangunan Pendidikan

Program Pembangunan Pendidikan merupakan keutamaan LZS dalam membantu asnaf fakir dan miskin dalam aspek pendidikan. Kesedaran tentang peri pentingnya pendidikan ini bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa tetapi juga membudayakannya di kalangan anak-anak asnaf agar mereka sedar bahawa hanya dengan pendidikan mereka mampu berjaya dalam hidup. Malah, program ini juga membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk bersekolah ke peringkat yang lebih tinggi serta bebas daripada buta huruf. Pada setiap tahun, LZS membelanjakan hampir RM15 juta wang zakat di bawah program ini.

Di bawah program ini, LZS menyalurkan bantuan pendidikan seperti bantuan yuran persekolahan (mengikut kadar yang telah ditentukan), kelengkapan persekolahan termasuklah pakaian, alat tulis, beg sekolah,

terutamanya kepada para pelajar di peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Pada masa ini, LZS telah menyumbangkan dermasiswa kepada 465 orang pelajar yang mengikuti pengajian Islam dan perubatan di Mesir dan 9 orang pelajar yang mengikuti pengajian di Jordan.

#### **d) Program Pembangunan Institusi Agama**

Di bawah program ini, sejumlah besar zakat diperuntukkan bagi tujuan pembangunan institusi agama seperti masjid, surau, sekolah dan surau sekolah di seluruh Selangor. Ia dilaksanakan bagi menjamin kebajikan dan keselesaan beribadah, di samping mengatasi permasalahan struktur bangunan dan kerosakan. Pembinaan dan baik pulih insituti agama ini akan dipantau supaya menepati spesifikasi pembinaan, agar kualiti pembinaan benar-benar terjamin demi keselesaan umat Islam. Pada setiap tahun, LZS membelanjakan hampir RM18 juta wang zakat di bawah program ini.

Berikut adalah antara bentuk agihan zakat di bawah program pembangunan ini iaitu:

- Bantuan karpet masjid/sarau
- Bantuan peralatan masjid/sarau
- Bantuan pembinaan/baik pulih masjid
- Bantuan pembinaan/baik pulih surau
- Bantuan pembinaan/baik pulih surau sekolah
- Bantuan pembinaan/baik pulih institusi agama luar negara
- Bantuan pembinaan/baik pulih sekolah agama
- Bantuan keperluan/peralatan sekolah

#### **e) Program Pembangunan Insan**

Program Pembangunan Insan ini diwujudkan khusus untuk asnaf fakir dan miskin sebagai usaha untuk melahirkan golongan asnaf yang berkeyakinan, berdaya saing dan berilmu melalui program-program yang berbentuk rohani, jasmani dan motivasi. Pada setiap tahun, LZS membelanjakan hampir RM 7 juta wang zakat di bawah program ini.

Setiap program yang diadakan mensasarkan peserta terdiri daripada warga emas, ibu bapa, ibu tunggal, bapa tunggal, belia, pelajar dan juga mahasiswa. Keberkesanan modul program pembangunan ini juga sentiasa dipantau bagi memastikan hasrat untuk mengeluarkan 10% kemiskinan.

Berikut pelbagai aktiviti disusun sepanjang tahun iaitu :

<b>Aktiviti/Program</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>
Program Tahsinul Ibadah	Lelaki/wanita berumur 40 tahun ke atas

Kursus Pembangunan Ibu Tunggal (Program Hijrahku)	Ibu tunggal berumur 55 tahun ke bawah dan mempunyai anak yang bersekolah
Program Pembangunan Keluarga	Ibu bapa
Kursus Kemahiran Terapi	Ibu tunggal
Kursus Masakan Komerial	Lelaki & wanita (Dewasa)
Kursus Kemahiran Jahitan	Ibu Tunggal
Kursus Pembangunan Belia	Belia 18 – 40 tahun
Program Bina Insan Selangor	Pelajar tingkatan 4 & 6
Kem Remaja Cemerlang Generasi Gemilang	Pelajar tingkatan 1, 2 & 4
Kem Motivasi Pelajar Cemerlang	Pelajar UPSR
Kem Motivasi Pelajar Cemerlang	Pelajar PMR
Kem Motivasi Pelajar Cemerlang	Pelajar SPM
Kem Kecemerlangan SPRA	Pelajar yang menduduki SPRA
Kursus Keusahawanan	Peserta penerima modal
Lawatan, Seminar, Bengkel	Ibu tunggal/pelajar
Program Anak/Keluarga Angkat	Semua golongan sasaran

### 5.3 PROJEK-PROJEK AGIHAN ZAKAT

#### a) D'ASNAF KRAF

Ia merupakan salah satu projek asnaf yang diusahakan dengan konsep 'Homebase' sebagai salah satu usaha untuk menambah pendapatan asnaf fakir dan miskin. Peserta-pesertanya terdiri dari kaum wanita yang majoritinya ibu-ibu tunggal. Projek ini telah dimulakan secara kecil-kecilan sejak tahun 2003 dan produk yang mula-mula dihasilkan adalah kraftangan dari kertas terpakai (suratkhabar dan majalah). Selain itu, produk seperti tasbih dan aksesori wanita telah mula dihasilkan. Di antara objektif projek ini ialah ;

- i - Membantu menambah pendapatan melalui aktiviti Homebase
- ii - Membentuk jatidiri asnaf dalam melahirkan usahawan kraf dalam usaha meningkatkan taraf hidup.

#### b) BENGKEL JAHITAN

Setakat ini, LZS telah menubuhkan tiga bengkel jahitan. Bengkel Jahitan yang pertama ditubuhkan di Tanjung Karang pada tahun 1997. Bengkel Jahit yang ke-2 ditubuhkan di Hulu Selangor dan yang terakhir setakat ini di Taman Sri Manja, Petaling Jaya.

Setiap bengkel mempunyai antara 10-15 orang peserta yang terdiri dari asnaf miskin. Mereka adalah kaum wanita yang mempunyai tanggungan

keluarga yang tinggi, juga ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai sumber pendapatan lain.

Peserta-peserta ini ditugaskan untuk menjahit pakaian seragam sekolah bagi tujuan agihan kepada anak-anak fakir miskin yang lain. Ia diuruskan dan dipantau sepenuhnya oleh LZS di bawah Unit Pengurusan Usahawan, Bahagian Pembangunan Ekonomi, JPA

**c) PUSAT LATIHAN ASNAF ZAKAT ( PULAZ)**

PULAZ merupakan sebuah pusat latihan asnaf yang tersendiri, yang mampu untuk mengurus dan mengendalikan sejumlah golongan asnaf tajaan Lembaga Zakat Selangor yang terpilih untuk mengikuti kursus atau program-program yang telah direncanakan oleh pihak pengurusan sepanjang tahun.

PULAZ berjaya mengendalikan program dan kursus untuk golongan asnaf yang merangkumi pelbagai aspek seperti Kursus Asas Keusahawanan, Hijrah Kerjaya serta Syukur Asnaf. Kursus – kursus yang dijalankan di sini berjaya dikendalikan oleh barisan fasilitator dan perunding yang cekap, terlatih dan beberapa tenaga kerja yang berdedikasi serta banyak pengalaman.

**d) DARUS SALAMAH ( RUMAH ORANG TUA)**

Rumah Darus Salamah ini diwujudkan untuk menempatkan warga emas perempuan yang kurang bernasib baik atau tersisih dari keluarga kerana belunggu kemiskinan. Selain tempat perlindungan, mereka juga diberi pengisian rohani dan jasmani untuk memanfaatkan usia tuanya kepada perkara yang terbaik.

**e) PERKHIDMATAN DOBI**

Salah satu inovasi terkini dari Lembaga Zakat Selangor (MAIS) ialah mewujudkan satu Pusat Perkhidmatan Dobi yang dikendalikan sepenuhnya oleh para asnaf dan dipantau oleh LZS.

Dengan motto "**Bersih & Suci**" diharapkan usaha Lembaga Zakat Selangor (MAIS) mewujudkan Pusat Perkhidmatan Dobi untuk projek asnaf ini dapat membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan.

**f) KEDAI BAKERY**

Salah satu inovasi terkini dari Lembaga Zakat Selangor ialah mewujudkan Kedai Bakery yang dikendalikan sepenuhnya oleh asnaf dan dipantau oleh LZS dengan bantuan modal sebanyak RM 50,000 meliputi semua peralatan dan kelengkapan perniagaan.

**g) DESA EHSAN dan DESA KASIH**



Desa Ehsan dan Desa Kasih adalah sebuah penempatan kelompok asnaf fakir/miskin yang diwujudkan sejak tahun 1998 di beberapa daerah negeri Selangor. Buat masa terdapat hampir 500 unit rumah telah dibina berbentuk rumah sebuah dan kembar. Mereka yang terpilih mendiami penempatan adalah mereka yang tidak mempunyai tanah untuk mendirikan rumah dan mempunyai tanggungan yang ramai.

**h) ASRAMA BAITUL HASANAH**

Asrama Baitul hasanah adalah asrama anak-anak asnaf fakir/miskin yang didirikan oleh LZS bagi menangani keciciran pendidikan anak-anak asnaf fakir/miskin khususnya di peringkat umur 8 hingga 12 tahun. Buat masa ini terdapat dua buah asrama Baitul Hasanah di Kuala Selangor dan Hulu Selangor. LZS merancang untuk membina asrama ini di setiap daerah yang boleh menempatkan 30 hingga 40 orang penghuni. LZS juga sedang dalam proses membina sebuah Kompleks Asrama Pusat yang boleh menempatkan 200 orang anak-anak asnaf fakir/miskin di Klang.